

Konsep pasar rakyat atasi masalah orang tengah — PM

UM - 1 FEB 2002

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, masalah orang tengah mengambil keuntungan terlalu tinggi boleh diatasi jika konsep pasar rakyat dapat diperluaskan ke seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, menerusi konsep itu, petani dan pekebun kecil berpeluang memasarkan hasil pertanian secara terus kepada pelanggan tanpa melalui orang tengah.

“Orang tengah tidak mengapa... masalahnya ialah mengambil untung berlebihan. Dia ambil terlalu banyak (keuntungan) untuk diri dia,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pasarakyat di sini, hari ini.

Pasarakyat itu yang bermatlamat menyediakan saluran pemasaran alternatif kepada petani, penternak, nelayan dan pengeluar makanan merupakan yang pertama diperkenalkan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar orang tengah memainkan peranan penting dan turut menanggung risiko kerana tidak semua barangan dapat dijual tetapi golongan itu tidak sepatutnya mengambil keuntungan yang berlebihan.

“Biasanya dia (orang tengah) sudah pun ada pelanggan tetap, jadi tidak sepatutnya dia ambil keuntungan terlalu banyak,” katanya.

Justeru, beliau berharap konsep pasar rakyat boleh diperkembangkan kerana ia memberi peluang kepada petani dan pekebun kecil mendapatkan pulangan lebih baik.

Katanya, apabila Pasarakyat yang pertama itu berjaya, lebih ramai pengusaha akan berminat untuk mewujudkan pasar dengan konsep yang sama di tempat-tempat lain.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, Pasarakyat adalah satu usaha berterusan kerajaan dengan bantuan pihak swasta untuk membantu golongan petani.

Katanya, sebelum ini, kerajaan telah memperkenalkan pasar tani dan pasar malam tetapi konsep itu tidak menarik minat pengguna-pengguna tertentu yang lebih gemar membeli-belah dalam suasana yang selesa.

Bagaimanapun dengan adanya konsep baru itu, kata beliau, petani dapat menarik minat mereka kerana barangan dipasarkan dalam suasana yang selesa dan bersih, selain dapat bersaing dengan pasar raya besar sedia ada.

“Kalau konsep ini berkembang, kita akan dapat lihat petani hidup dengan lebih baik dan pengguna pula dapat barangan segar pada harga yang berpatutan,” katanya.